

## Soal Selidik - Kod Pembekal dan Pihak Ketiga UPM

Syarikat

Responden

Tarikh

<b>1.</b>	<b>Umum</b>	
	Adakah anda mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan?	
	Adakah anda akan memaklumkan kepada UPM dengan segera jika anda tidak dapat mematuhi Kod Pembekal dan Pihak Ketiga UPM?	
<b>2.</b>	<b>Hormati orang dan hak asasi manusia</b>	
	Adakah anda mematuhi Pengisytiharan Universal Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, konvensyen asas Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO) dan 10 prinsip United Nations Global Compact?	
	Adakah anda menghormati hak asasi manusia sejagat seperti kebebasan berfikir, meluahkan pendapat, meluahkan idea, beragama dan berhimpun secara aman serta kebebasan daripada sebarang diskriminasi berdasarkan bangsa, umur, kewarganegaraan, jantina atau orientasi seksual?	
	Adakah anda menghormati asas konvensyen ILO dan undang-undang tempatan berkaitan dengan waktu bekerja dan pampasan?	
	Adakah anda memastikan tiada buruh paksa atau buruh kanak-kanak dalam mana-mana operasi atau aktiviti anda dan tiada pekerja yang berumur di bawah 15 tahun?	
	Jika terdapat buruh paksa atau buruh kanak-kanak dalam operasi anda, adakah anda akan memaklumkan kepada UPM dengan segera dan mengambil tindakan untuk memperbaiki keadaan mengikut prinsip yang diterima oleh UPM?	
	Adakah anda memastikan kesihatan, keselamatan dan kawalan keselamatan para pekerja, pelawat dan orang lain terkesan oleh operasi anda?	
	Adakah anda akan mematuhi keperluan keselamatan UPM sewaktu bekerja atau melawat mana-mana premis UPM dan menjalankan latihan keselamatan yang diperlukan?	
<b>3.</b>	<b>Mengambil berat akan kesan terhadap alam sekitar dan keselamatan produk</b>	
	Adakah anda mengurangkan kesan negatif alam sekitar terhadap tanah, air, kepelbagaian hayat dan udara?	
	Adakah anda mengurus sebarang sisa yang dijana oleh operasi anda atau daripada produk atau aset pelanggan yang dalam jagaan anda, termasuk rawatan sisa berbahaya berdasarkan undang-undang dan arahan pengilang?	
<b>4.</b>	<b>Toleransi sifar terhadap amalan rasuah dan sogokan</b>	
	Adakah anda bersetuju bahawa dalam apa jua keadaan sama ada secara langsung atau tak langsung, anda akan mengelakkan diri daripada membayar, memberi, menawarkan atau meluluskan sogokan kepada pegawai kerajaan atau orang perseorangan?	

	Adakah anda bersetuju bahawa dalam apa jua keadaan sama ada secara langsung atau tak langsung, anda akan mengelakkan diri daripada menerima atau meminta sogokan daripada mana-mana pihak?	
	Adakah anda bersetuju bahawa anda akan menjauhkan diri daripada aktiviti yang boleh menimbulkan tanggapan sogokan, rasuah atau tanggapan tidak elok yang lain?	
	Adakah anda akan mengekalkan prosedur yang sewajarnya untuk menghindarkan rasuah dan sogokan dalam operasi anda?	
	Adakah anda akan memaklumkan UPM dengan segera jika berlaku rasuah atau sogokan dalam kalangan pekerja UPM?	
<b>5.</b>	<b>Ketelusan perniagaan</b>	
	Adakah anda merupakan entiti sah yang ditubuhkan menurut peraturan dan wujud secara sah mengikut undang-undang yang berkenaan?	
	Adakah anda mempunyai hak untuk mengendalikan perniagaan anda, membuat perjanjian dengan UPM dan melaksanakan tanggungjawab yang telah dipersetujui?	
	Adakah anda menyediakan tanggungan insurans yang sah dan polisi insurans yang secukupnya daripada syarikat insurans yang mempunyai reputasi yang baik untuk sebarang tanggungan yang mungkin akan memberi kesan kepada UPM?	
	Adakah anda peka terhadap risiko yang mungkin berlaku pada anda?	
	Adakah anda mempunyai prosedur lengkap tentang pengurangan risiko?	
	Adakah anda akan memberitahu UPM dengan serta-merta sekiranya terdapat risiko yang boleh memberi kesan ke atas perniagaan UPM?	
	Adakah anda mematuhi sepenuhnya semua undang-undang cukai yang berkenaan?	
	Adakah anda membayar semua cukai dan bayaran rasmi lain yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa?	
	Adakah anda mematuhi sepenuhnya semua undang-undang berkaitan pencegahan pengubahan wang haram dan rejim sekatan dagangan?	
<b>6.</b>	<b>Pematuhan undang-undang persaingan</b>	
	Adakah anda mematuhi semua undang-undang persaingan yang berkaitan?	
	Adakah anda bersetuju bahawa anda tidak seharusnya membuat kesimpulan atau melibatkan diri dalam perjanjian persaingan terlarang, amalan perdagangan atau pertemuan dengan pelanggan, pendedar, pembekal atau rakan niaga lain?	
	Adakah anda bersetuju bahawa anda tidak seharusnya melibatkan diri dalam amalan antipersaingan?	
<b>7.</b>	<b>Melindungi aset dan maklumat</b>	
	Adakah anda akan mengendalikan harta UPM dengan berhati-hati?	
	Adakah anda akan melindungi maklumat sulit UPM daripada penggunaan atau pendedahan tanpa kebenaran?	
	Adakah anda bersetuju bahawa anda tidak akan menerbitkan sebarang pengumuman, siaran akhbar atau lain-lain pendedahan umum berkaitan dengan UPM tanpa kelulusan daripada UPM?	
	Adakah anda menghormati hak harta intelektual orang lain?	
	Adakah anda bersetuju bahawa anda akan mengelakkan semua percanggahan kepentingan dengan UPM dan memaklumkan UPM dengan segera jika berlaku perkara yang sedemikian?	

<b>8.</b>	<b>Tanggungjawab terhadap sumber</b>	
	Adakah anda mengenali dan memilih rakan perniagaan dengan berhati-hati bagi mengenal pasti dan mengurangkan risiko penglibatan dalam aktiviti perniagaan haram atau pelanggaran mana-mana keperluan Kod Pembekal dan Pihak Ketiga UPM?	
	Adakah anda menyimpan rekod yang lengkap dan tepat tentang semua transaksi perniagaan?	
	Adakah anda akan menggalakkan pelaksanaan keperluan-keperluan sebagaimana yang diterangkan dalam Kod Pembekal dan Pihak Ketiga UPM pada tahap tambahan dalam rantai bekalan anda?	
<b>9.</b>	<b>Melibatkan diri dengan pemegang kepentingan dan masyarakat</b>	
	Adakah anda berkomunikasi dengan pihak berkepentingan anda secara terbuka dan telus serta menggalakkan dialog bersama mereka?	
	Adakah anda membuat sumbangan positif yang sebanyak mungkin terhadap kesejahteraan dan pembangunan masyarakat tempatan anda?	
	Apabila berurusan dengan kerajaan tempatan, adakah anda memastikan bahawa undang-undang antirasuah tidak dilanggar dan kerjasama dicapai berdasarkan prinsip Kod Pembekal dan Pihak Ketiga UPM?	
<b>10.</b>	<b>Pematuhan adalah milik semua</b>	
	Adakah anda mengizinkan UPM mengesahkan pematuhan terhadap Kod Pembekal dan Pihak Ketiga UPM melalui audit di tapak yang dijalankan oleh sumber dalaman atau luaran?	
	Adakah anda akan bertindak balas terhadap tinjauan UPM tepat pada waktunya?	
	Adakah anda memahami bahawa pelanggaran undang-undang atau Kod Pembekal dan Pihak Ketiga UPM atau kegagalan untuk mengambil tindakan pembetulan akan dianggap sebagai pelanggaran kontrak dan boleh menyebabkan UPM menamatkan hubungan perniagaan dengan anda?	
	Adakah anda menyediakan kaedah untuk pekerja mengemukakan kebimbangan mereka secara awanama tentang salahlaku atau mencadangkan sebarang penambahbaikan atau memberikan maklum balas umum?	
	Adakah anda akan melaporkan kepada UPM dengan segera jika mengesyaki atau mendapati terdapat pelanggaran terhadap Kod Pembekal dan Pihak Ketiga UPM?	